

JKM agih bantuan banjir RM3.72j di Kelantan

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengagihkan bantuan bernilai RM3.72 juta bagi menuhi keperluan mangsa banjir luar biasa di Kelantan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Karim, berkata ia membabitkan bekalan makanan, keperluan asas dan sewa kenderaan.

Katanya, JKM membekalkan sebanyak 180 pembahagi boleh lipat dan 600 tikar kalis air di pusat pemindahan.

“JKM sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada mangsa banjir di pusat pemindahan, termasuk di Kelantan,” katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Ahmad Marzuki Shaary (PAS-Bachok) mengenai peningkatan peruntukan dan perubahan keutamaan oleh JKM dalam menghadapi banjir 2014 di Kelantan.

Dalam pada itu, Rohani berkata, satu makmal mengenai

banjir akan diadakan pada bulan depan supaya persiapan awal dapat dilakukan.

Agih tenaga kerja

“Maklumat mengenai banjir penting supaya kita dapat mobilisasi tenaga kerja dengan secepat mungkin,” katanya.

Ketika ditemui di luar Parlimen semalam, Rohani berkata, kementeriannya akan memperkuatkkan Dasar Warga Emas dengan meneliti input terbaharu sebagai per-

sediaan awal menghadapi status negara menua menjelang tahun 2030.

Katanya, kementerian bekerjasama dengan Institusi Penyelidikan Penuaan Kebangsaan, Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi merangka program berkaitan warga tua.

“Dasar ini perlu sentiasa dikaji kerana mungkin melampaui tempoh masa. Kita perlu bersedia dengan menjemput negara menua seperti Jepun,” katanya.